



HUKUM MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL



*Disusun oleh Ustaz Jalaluddin Hassan
& Hjh Noor Faizah Mustaffa*

HUKUM

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL

Alawi Abbas dan Hassan Sulaiman (2011) dalam Kitab Ibanah Al-Ahkam Syarah Bulugh Al-Maram (jilid 2) berkenaan Bab Haji menjelaskan hadith no. 248. Daripada Ibn Abbas r.a., beliau berkata bahawa Rasulullah saw bersabda:

“Mana-mana kanak-kanak yang telah melakukan ibadah Haji kemudian dia mencapai umur baligh, maka ia tetap mempunyai kewajiban untuk melakukan ibadah Haji sekali lagi.”

(diriwayatkan oleh Ibn Abu Syaibah dan Al Baihaqi)



HUKUM

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL

Jika ada kanak-kanak melakukan ibadah Haji/Umrah sebelum umur baligh, maka Haji/Umrahnya dianggap sebagai **AMALAN SUNAT**.

Apabila telah baligh, maka dia **WAJIB** melakukan Haji/Umrah **SEKALI LAGI** sebagai Haji/Umrah yang menunaikan **RUKUN ISLAM**. Ini adalah kerana belum dikenakan **KEWAJIBAN TAKLIF** (*tanggungjawab ibadah Haji*).




HUKUM

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL

Namun begitu, Haji/Umrah yang dilakukan oleh anak kecil masih belum mencukupi Haji fardhu yang merupakan Rukun Islam baginya.

Ibu bapa/ Wali mendapat pahala kerana usahanya atau kerana dia bersusah payah menggendong anaknya. **Anak pula turut mendapat ganjaran pahala kerana mengerjakannya.**



HUKUM

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL


MUMAIYYIZ

Anak yang sudah mencapai usia 7 tahun

Apabila anak sudah mulai boleh membezakan perkara yang baik/bermanfaat baginya dan mana hal yang buruk/membahayakan dirinya.

TIDAK MUMAIYYIZ

Anak yang tidak dapat membezakan baik dan buruk, bersih atau kotor




SUNAT-SUNAT IHRAM

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL

MUMAIYYIZ

Diajarnya dan disuruh melakukan perkara-perkara melaksanakan ihram sendiri

- Mandi sunat ihram
- Menjaga pantang larang ihram
- Niat ihram




SUNAT-SUNAT IHRAM

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL

TIDAK MUMAIYYIZ

Sebelum menjatuhkan niat, wali/ ibu bapa hendaklah melakukan perkara-perkara sunat ihram bagi kanak-kanak belum mumaiyyiz

- Dimandikan dan diniatkan mandi sunat ihram
- Dipakaikan ihram bersesuaian dengan jantina masing-masing





SOLAT SUNAT IHRAM

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL

MUMAIYYIZ

Dilakukan oleh kanak-kanak itu sendiri

TIDAK MUMAIYYIZ

Disolatkan oleh wali/ibu bapanya




NIAT IHRAM

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL

MUMAIYYIZ

Diajarkan supaya niat sendiri sebagaimana niat jemaah yang sudah baligh

Wali/ibu bapa juga boleh meniatkan umrah untuk kanak-kanak yang mumaiyyiz




NIAT IHRAM

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL

TIDAK MUMAIYYIZ

Wali/Ibu bapa meniatkan Umrah bagi kanak-kanak yang tidak mumaiyyiz

- Menjatuhkan niat Umrah bagi kanak-kanak **tidak menjadikan** wali/ibu bapanya masuk ke dalam ihram Umrah untuk diri mereka sendiri
- **Jatuhkan niat untuk diri sendiri dahulu**, gendong anak lalu jatuhkan niat untuknya



NIAT IHRAM

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL

MUMAIYYIZ

“Sahaja **Aku** Menunaikan Umrah dan Aku berihram dengannya, dengan syarat jika Aku **dihalangi keuzuran**, Aku akan bertahallul tanpa Dam.”

TIDAK MUMAIYYIZ

“Sahaja **Aku** Menunaikan Umrah untuk **ANAKKU** dan Aku berihram dengannya, dengan syarat jika Aku **dihalangi keuzuran**, Aku akan bertahallul tanpa Dam.”



TALBIAH

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL

MUMAIYYIZ

Digalakkan untuk bertalbiah bersama

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ،
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Labbaika Allahumma labbaik, labbaika laa syariika laka labbaik, innal-hamda wan-ni' mata laka walmulk laa syariikalak

TIDAK MUMAIYYIZ

Wali/Ibu bapanya bertalbiah untuknya



LARANGAN IHRAM

MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL

MUMAIYYIZ

- Konsep penyempurnaan dam akibat pelanggaran pantang larang ihram adalah **sama seperti yang dilakukan oleh jemaah baligh**
- **Ditanggung oleh wali/ibu bapa**

TIDAK MUMAIYYIZ

- Pastikan kanak-kanak tidak melakukan larangan-larangan ihram
- **Pelanggaran tidak dikenakan**



TAWAF

PERSEDIAAN SEBELUM TAWAF DENGAN ANAK KECIL

MUMAIYYIZ

- Pastikan kanak-kanak berada dalam keadaan **bersih & berwudhu**
- Untuk anak lelaki yang belum berkhatan, pastikan bahawa di bawah kulup (kulit yang menutupi kepala zakar) dibersihkan

TIDAK MUMAIYYIZ

- Pastikan (sebaik mungkin) bahawa kanak-kanak yang memakai **diaper/ lampin** berada dalam keadaan **bersih**





TAWAF

PERSEDIAAN SEBELUM TAWAF DENGAN ANAK KECIL

Pastikan segala syarat Tawaf dipatuhi kanak-kanak tersebut sebagaimana syarat-syarat Tawaf bagi orang dewasa.



TAWAF

PERLAKSANAAN TAWAF DENGAN ANAK KECIL


MUMAIYYIZ

WALI/ IBU BAPA BOLEH MENUNAIKAN UMRAH SECARA SERENTAK BERSAMA ANAK

- Hendaklah diajar dan mengajak kanak-kanak mumaiyyiz supaya dia **melaksanakan tawaf sendiri**

SEKIRANYA ANAK ITU LETIH...

- **Dibolehkan** mendokong anak/ meletakkan beliau di atas bahu (**HARUS** menghadap hadapan)



TAWAF

PERLAKSANAAN TAWAF DENGAN ANAK KECIL

TIDAK MUMAIYYIZ


**ANAK BOLEH
JALAN SENDIRI**

**WALI/ IBU BAPA BOLEH MENUNAIKAN
UMRAH SECARA SERENTAK BERSAMA ANAK**

- Sama seperti kanak-kanak mumaiyyiz – digalakkan jalan bersama

SEKIRANYA ANAK ITU LETIH...

- **Dibolehkan** mendokong anak/ meletakkan beliau di atas bahu (**HARUS** menghadap hadapan)



TAWAF

PERLAKSANAAN TAWAF DENGAN ANAK KECIL

**TIDAK
MUMAIYYIZ**

**ANAK TIDAK BOLEH
JALAN SENDIRI**

**WALI/ IBU BAPA BOLEH
MENUNAIKAN UMRAH SECARA
SERENTAK BERSAMA ANAK**

**ADA KHILAFNYA NAMUN,
(HUKUMNYA) *"LAKUKAN DENGAN
APA YANG KAMU MAMPU"***

- **Dibolehkan** mendokong anak menggunakan gendongan (carrier – forward-facing)/ meletakkan beliau di atas kedua bahu (**HARUS** menghadap kehadapan)



TAWAF

PERLAKSANAAN TAWAF DENGAN ANAK KECIL


KAUM **BAPA** BOLEH
MENGUNAKAN GENDONGAN/
CARRIER UNTUK MENDOKONG ANAK
KERANA **IANYA BUKANLAH**
SEBAHAGIAN DARI
PAKAIAN



TAWAF

HUKUM MENGGUNAKAN *WHEELCHAIR* & ITTIBA'

- Wali/ ibu bapa **BOLEH** melaksanakan Tawaf bagi kanak-kanak **menggunakan *wheelchair***
- **MUMAIYYIZ: (Anak lelaki)** disuruh ittiba'



TAWAF

SOLAT SUNAT TAWAF

MUMAIYYIZ

- Disuruhnya melakukannya sendiri

TIDAK MUMAIYYIZ

- Dilaksanakan oleh wali/ibu bapanya



SA'IE

Hukum Sa'ie kanak-kanak adalah **sama seperti melakukan Tawaf**. Perbezaan hanya pada **Syarat Sah Sa'ie**.



TAWAF

- Dalam keadaan **berwudhu**
- **Menghadap ke hadapan** (Tidak boleh menoleh kebelakang)

SA'IE

- **Tidak perlu** dalam berada dalam keadaan **berwudhu**
- **Dibenarkan menoleh kebelakang**



SA'IE



**Boleh didokong
menghadap ke belakang**



**Boleh menoleh ke
belakang**

BERTAHALUL

BERGUNTING/ BERCUKUR

SETELAH SELESAI UMRAH,
***DIGUNTING ATAUPUN
DICUKUR RAMBUT
KANAK-KANAK***

TERSEBUT UNTUK MELEPASKAN
BELIAU DARI IHRAMNYA.



PERHATIAN:

SEKIRANYA INGIN BERCUKUR DI
KEDAI, LALUKAN PISAU CUKUR
KEPADA RAMBUT SEDIKIT
DAHULU DI KAWASAN MARWAH.



TAWAF WIDA'

Tawaf Selamat Tinggal

Kanak-kanak (mumaiyyiz/
tidak mumaiyyuz) **TIDAK
WAJIB** melakukan Tawaf
Wida'.

Namun, sekiranya kanak-
kanak itu **MAMPU**
melaksanakan Tawaf
Wida' bersama wali/ibu
bapanya, mereka **BOLEH**
melakukannya.





TIPS MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL



*Disusun oleh Ustaz Jalaluddin Hassan
& Hjh Noor Faizah Mustaffa*

TIPS MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL



1. DOA

- Banyakkan berdoa (**secara terperinci**) dari sekarang *Moga Allah lindungi keluarga dan anak-anak. Moga sihat sepanjang perjalanan. Moga kuat dan larat beribadah bersama anak. Moga anak tidak meragam.*
- **Solat hajat**

2. PERSIAPAN MENTAL (ANAK & DIRI SENDIRI)

- Banyakkan **bercakap & bercerita** dengan anak **tentang ada apanya di Mekah & Madinah** (*Masjid, Kaabah, Maqam Nabi, sbg*)
- Tunjukkan **video** dan **gambar-gambar** di sana (*terutama gambar budak-budak yang sudah ke sana*)



3. PERTINGKATKAN ILMU

- Belajar **cara solat sambil mendukung bayi** sekiranya anak menangis sewaktu solat (lihat FB/YouTube Channel **jalaluddintravelsg**)

4. PENERBANGAN


- Sekiranya **penerbangan di waktu malam**, cuba untuk **TIDAK membenarkan anak itu tidur di waktu siang hari** ataupun beberapa jam sebelum berangkat
- **Benarkan anak itu berlari-lari di lapangan terbang** supaya mereka '*release energy*' sebelum menaiki pesawat
- Sediakan '**beg mainan**', alat tulis, stickers, **headphone yang sesuai untuk anak-anak**

TIPS MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL



5. BEG MAINAN

- Luangkan waktu bersama anak untuk memilih mainan kegemaran, alat tulis, stickers dan sebagainya untuk diisi ke dalam beg mainan beliau
- **Sediakan juga beberapa mainan/aktiviti baru** untuk anak. Simpan dahulu untuk waktu kecemasan dimana anak itu bosan dengan mainan yang dipilihnya sendiri.



TIPS MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL



7. STROLLER & CARRIER

STROLLER

- **TIDAK** dibenarkan ke dalam Masjidil Haram dan Masjidil Nabawi
- Boleh dibawa bersama untuk **Ziarah** ataupun ke **perkarangan Masjid**



CARRIER

- **SARANAN** yang terbaik untuk Tawaf dan Sa'ie sekiranya anak itu masih boleh digendong di dalam *carrier*



TIPS MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL




8. RANCANG JADUAL IBADAH

- Rancang bersama pasangan untuk **membahagikan waktu untuk beribadah** (*Suami ke masjid untuk subuh, isteri bawa anak ke masjid waktu Maghrib hingga Isyak, etc*)
- Di bulan **Disember**, cuaca agak dingin. Suami isteri boleh rancang melaksanakan solat bersama di perkarangan masjid

9. FIKIRKAN AKTIVITI ANAK

- Fikirkan aktiviti **bermain bersama anak** sebelum waktu solat (*Ambil air zam zam, berlari di perkarangan masjid, sebagainya*)



TIPS MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL



9. SOLAT DI MASJID

Masjidil Haram, Mekah

- Lelaki & wanita **dibenarkan masuk di pintu yang sama**
- Tempat solat lelaki & wanita boleh **berdekatan**

Masjidil Nabawi, Madinah

- Lelaki & wanita **masuk di pintu yang berasingan**
- **Pilih ruang solat khas wanita & kanak-kanak / tempat yang hujung/ berdekatan dengan dinding**



TIPS MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL



10. RAUDHAH

Masjidil Nabawi, Madinah

1. **Ikut golongan kerusi roda** – Lebih cepat, mudah dan tidak berasak-rasak tetapi ibu harus solat di kerusi roda (*tidak dapat sujud di Raudhah*)
2. **Bawa bersama melalui laluan biasa**
 - Sediakan '**beg mainan**' kerana penantian masuk ke Raudhah agak lama untuk wanita
 - Bawa **carrier** sekiranya anak tertidur boleh didukung
 - **Insyallah** mutawwif Raudhah kami akan bantu ibu-ibu yang membawa anak bersama



TIPS MENUNAIKAN UMRAH BERSAMA ANAK KECIL



NIAT

FIKIRAN YANG POSITIF

Terapkan dalam minda bahawa membawa anak ke Umrah **bukan beban, bukan susah** dan **bukan masalah**.

Anggaplah kita yang **menumpang Barakah anak!**





SEMOGA ALLAH MEMPERMUDAHKAN SEGALA URUSAN ANDA SEKELUARGA DAN SEGALA PENAT LELAH ANDA DIGANTIKAN ALLAH SWT DENGAN SEBESAR-BESAR GANJARAN.

